



TH PLANTATIONS BERHAD
Registration No. 197201001069 (12696-M)

PERNYATAAN POLISI ANTI-RASUAH THP

TH Plantations Berhad, bersama anak-anak syarikatnya (selepas ini dirujuk sebagai THP) berusaha untuk mencegah rasuah serta menegakkan taraf tertinggi integriti, tanggungjawab dan profesionalisme dalam urusan perniagaan kami.

THP komited dalam:

- a) Mematuhi peruntukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan undang-undang, peraturan, polisi serta prosedur yang berkaitan dengan menerapkan integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam semua aspek perniagaan;
- b) Melarang warga kerja dari meminta, menerima dan menawarkan rasuah atau melakukan sebarang bentuk salah laku penyelewengan;
- c) Mewujudkan budaya integriti dan ketelusan di tempat kerja melalui pelaksanaan serta penambahbaikan berterusan terhadap program integriti dan anti-rasuah;
- d) Menggalakkan budaya integriti dengan menyediakan saluran bagi laporan-laporan perlakuan rasuah dan salah laku, selaras dengan Polisi Pemberian Maklumat THP;
- e) Memberi kerjasama penuh kepada agensi anti-rasuah iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ("SPRM") dalam membendung amalan rasuah di dalam THP, rakan niaga dan mana-mana pihak berurusan dengan THP; dan
- f) Mengenakan tindakan undang-undang dan/atau tata tertib bagi sebarang pelanggaran ke atas dasar, polisi dan prosedur yang berkaitan.

Pernyataan Polisi Anti-Rasuah ini adalah terpakai kepada semua peringkat warga kerja THP dan rakan niaga. Ketidakpatuhan dan pelanggaran polisi-polisi berkenaan oleh warga kerja atau rakan niaga boleh mengakibatkan tindakan diambil oleh THP sejajar dengan polisi, prosedur, dan garis panduannya dan/atau dikenakan tindakan undang-undang.

THP sentiasa terbuka dengan mengamalkan budaya bersuara. Oleh itu, THP menggalakkan semua warga kerja dan orang ramai sekiranya terdapat kejadian melibatkan salah laku integriti terutama rasuah, mereka hendaklah menyalurkannya ke Saluran Pemberian Maklumat THP ('Whistleblowing') seperti berikut:

Talian hotline: 03-2616 7115;
Emel hotline: whistleblowing_thp@bdo.my; atau
Portal web: [TH Plantations Ethics Line](#).

Setiap aduan tulen yang diterima melalui saluran ini adalah SULIT dan akan disiasat dengan telus dan adil.

DATUK DR. AHMAD KUSHAIRI BIN DIN
Pengerusi,
TH Plantations Berhad
17 Oktober 2024

MOHAMED ZAINURIN BIN MOHAMED ZAIN
Ketua Pegawai Eksekutif,
TH Plantations Berhad
17 Oktober 2024